

Pembangunan Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kadet Remaja Sekolah (KRS) dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Teknik  
*(Leadership Skills Development Through The Kadet Remaja Sekolah (KRS) Among The Students in Sekolah Menengah Teknik)*

AHMAD ESA & SITI KHADIJAH AB MANAP

ABSTRAK

Kemahiran kepimpinan perlu dikuasai oleh para pelajar yang juga merupakan pemimpin masa depan. Di Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menubuhkan Kadet Remaja Sekolah (KRS) untuk membangunkan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar. KRS menyediakan peluang kepada pelajar untuk menerapkan kemahiran kepimpinan dalam diri mereka. Kajian ini dijalankan untuk melihat pembangunan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar menerusi aktiviti KRS di Sekolah Menengah Teknik, Batu Pahat (SMTBP). Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri, tahap kesedaran dan tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran kepimpinan yang diterapkan dalam aktiviti KRS. Sampel kajian adalah seramai 36 orang pelajar KRS di SMTBP. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik, pemerhatian dan temu bual. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistic Package for Social Science* (SPSS) versi 11.5 untuk mendapatkan statistik deskriptif seperti min dan sisihan piawai manakala bagi senarai semak menggunakan kekerapan dan menganalisis transkrip temu bual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ciri-ciri kemahiran kepimpinan dapat dibangunkan iaitu komunikasi, kredibiliti, karisma dan keterampilan. Di samping itu kajian mendapati bahawa mereka menyedari dan menguasai ciri-ciri kepimpinan yang diterapkan dalam KRS. Justeru dapat disimpulkan bahawa kemahiran kepimpinan boleh dibangunkan menerusi aktiviti kokurikulum unit beruniform.

Kata kunci: Kokurikulum, kepimpinan, komunikasi, kredibiliti, karisma, keterampilan, Kadet Remaja Sekolah (KRS)

ABSTRACT

*Leadership skills need to be mastered by the students who will be our future leaders. In Malaysia, the Ministry of Education (MOE) had set up the Kadet Remaja Sekolah (KRS) to develop leadership skills among students. The KRS provides opportunities for the students to build up their leadership skills. This study had been conducted to examine the development of leadership skills among the students through the KRS's activities at Sekolah Menengah Teknik, in Batu Pahat (SMTBP). The objective of this study is to identify the characteristics, the level of awareness and the level of mastering leadership skills that they had applied during the KRS activities. The sample consisted of 36 students from the KRS of SMTBP. The instruments that had been used were questionnaires, observations and interviews. The data were analyzed by using the Statistics Package for Social Science (SPSS) version 11.5 to get the descriptive statistics such as mean and standard deviation. Whereas for the checklist we analyzed it by using the frequency and for the interview we analyzed the transcripts. The results had shown that the characteristics of the leadership skills can be developed, such as communication, credibility, charisma and competent. In addition the study had found out that the students were aware of it and they had dominated the leadership characteristics that had been applied in the KRS. Hence we can make a conclusion that leadership skills can be developed through co-curricular activities such as uniformed units.*

Keywords: Co-curriculum, leadership, communication, credibility, charisma, competent, Kadet Remaja Sekolah (KRS)

## PENDAHULUAN

Malaysia sedang berusaha memupuk minda kelas pertama dalam kalangan rakyat sejajar dengan agenda utama negara dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (Pusat Maklumat Rakyat, 2012). Dalam tempoh rancangan tersebut usaha dipergiat untuk membangunkan modal insan melalui saluran pendidikan untuk melahirkan individu berkebolehan memimpin yang mampu mengurus arus pembangunan pada hari ini.

Untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan menepati ciri yang disasarkan, pelajar perlu melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum. Pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum di institusi pengajian tinggi mempunyai kemahiran insaniah (*soft skill*) yang tinggi untuk menerajui masa depan negara kelak (Abd Malek dan Hamsah 2007 & Kementerian Pengajian Tinggi 2006).

Faedah dan kepentingan kokurikulum amat banyak (Hsu 2012), sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri, mahupun di peringkat kebangsaan (Ashaari 2000). Melalui ilmu dan kemahiran insaniah yang dijana oleh kokurikulum jelaslah bahawa, kokurikulum perlu diberi perhatian agar pelajar di sekolah terlibat sepenuhnya.

Rohanida dan Mohd. Sofian (2002) menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum dapat memberikan latihan awal dari segi kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan dalam kalangan pelajar. Kepimpinan dapat dilatih melalui aktiviti pakaian seragam, persatuan, kelab dan sukan (Stan 2010; David & Myron 2007; Harvard, 2006). Apabila pelajar itu melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum, mereka akan didedahkan kepada sikap kepimpinan dalam satu kumpulan atau organisasi (Gilchrist & Gilchrist 2009). Pelajar tersebut mempelajari cara untuk mengendalikan mesyuarat kalau memegang jawatan pengerusi, dan secara tidak langsung dapat melahirkan pelajar yang berketerampilan dan mampu menjadi pemimpin dalam satu organisasi yang lebih besar kemudian nanti.


Kokurikulum mungkin dianggap sebagai aktiviti riadah selepas waktu sekolah oleh kebanyakan pelajar tanpa menyedari kepentingannya. Perkara ini timbul kerana kurangnya pendedahan mengenai kepentingan dan faedah yang diperolehi. Justeru

sebilangan pelajar yang tidak berminat melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum. Mereka menganggap dengan menyertai kegiatan kokurikulum hanya akan membuang masa sahaja (Bahari, 2002). Masa yang ada boleh digunakan untuk mengulang kaji pelajaran (Terenzini, Pascarella & Blimling 1996; Baxter 1992). Namun demikian mereka tidak menyedari dengan menyertai kokurikulum, pelajar dapat menguasai kemahiran yang penting contohnya kemahiran kepimpinan dalam gerak kerja kokurikulum di sekolah.

Penglibatan pelajar dalam unit beruniform seperti Kadet Remaja Sekolah (KRS) pula mampu membina disiplin dan jati diri yang kental dan pembinaan diri sebegini merupakan satu aset penting dalam menghadapi dunia kerjaya. Menyedari betapa pentingnya golongan remaja dibimbing dan dikayakan dengan ilmu dan pengalaman memimpin, KRS ditubuhkan di semua sekolah menengah milik kerajaan dan bantuan kerajaan di seluruh negara sebagai salah satu pasukan pakaian seragam di sekolah. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menubuhkan KRS bagi menyediakan peluang kepada pelajar memperoleh pengetahuan, pengalaman, kemahiran, kebolehan mengurus dan memimpin.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat pembangunan kemahiran kepimpinan melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti KRS. Secara khususnya untuk mengenal pasti ciri-ciri kemahiran kepimpinan yang diterapkan dalam aktiviti yang dijalankan oleh KRS; mengenal pasti tahap kesedaran dan penguasaan pelajar terhadap kemahiran kepimpinan yang mereka peroleh melalui aktiviti KRS.

Rajah 1 menunjukkan kerangka kajian yang menjelaskan perkaitan antara penglibatan pelajar dalam aktiviti KR Sekolah dengan ciri-ciri kemahiran kepimpinan yang ingin diselidiki. Ciri-ciri kemahiran kepimpinan yang ingin dikaji adalah merujuk kepada aspek komunikasi, karisma, keterampilan dan juga kredibiliti. Terdapat banyak ciri kepimpinan yang diterapkan oleh KRS tetapi empat ciri ini yang akan difokuskan oleh pengkaji. Empat aspek ini dipilih kerana merupakan ciri penting yang perlu dimiliki oleh seorang pemimpin (Harvard 2006; Jaafar 2003; Gunter 2001; Adair 1997).



RAJAH 1. Kerangka konsep kajian

## METODOLOGI

Melalui kajian kes ini, pengkaji memfokuskan pasukan kawad kaki KRS di Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat sebagai populasi dan sampel kajian iaitu sebanyak 36 orang. Instrumen yang digunakan di dalam kajian yang dijalankan adalah borang soal selidik. Set soal selidik yang menggunakan Skala Likert (1- 5) tersebut mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A (latar belakang responden), B (Penerapan kemahiran kepimpinan menerusi KRS), C (Kesedaran penerapan kemahiran kepimpinan semasa mengikuti aktiviti KRS) dan D (Penguasaan kemahiran kepimpinan setelah mengikuti kokurikulum KRS)

## DAPATAN KAJIAN

Penganalisan data dibuat ini adalah berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden kajian iaitu pasukan kawad kaki KRS di SMT Batu Pahat. Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3 menunjukkan nilai min keseluruhan bagi ciri-ciri kemahiran kepimpinan yang diterapkan dalam KRS, tahap kesedaran pelajar dan penguasaan pelajar terhadap penerapan kemahiran kepimpinan bagi keempat-empat ciri iaitu komunikasi, kredibiliti, karisma dan keterampilan.

JADUAL 1. Nilai min keseluruhan bagi kemahiran kepimpinan yang diterapkan dalam KRS di SMT Batu Pahat

Ciri Kemahiran Kepimpinan	Min Penguasaan	Sisihan Piawai	Tafsiran
Komunikasi	4.27	0.677	Diterap
Kredibiliti	4.26	0.626	Diterap
Karisma	4.18	0.647	Diterap
Keterampilan	4.39	0.892	Diterap
Nilai Min Keseluruhan	4.275		Diterap

JADUAL 2. Nilai min keseluruhan bagi tahap kesedaran kemahiran kepimpinan yang diterapkan dalam KRS di SMT Batu Pahat

Ciri Kemahiran Kepimpinan	Min Penguasaan	Sisihan Piawai	Tafsiran
Komunikasi	4.16	0.581	Tinggi
Kredibiliti	4.16	0.581	Tinggi
Karisma	4.22	0.608	Tinggi
Keterampilan	4.26	0.612	Tinggi
Nilai Min Keseluruhan	4.20		Tinggi

JADUAL 3. Nilai min keseluruhan bagi tahap penguasaan kemahiran kepimpinan yang diterapkan dalam KRS di SMT Batu Pahat

Ciri Kemahiran Kepimpinan	Min Penguasaan	Sisihan Piawai	Tafsiran
Komunikasi	4.11	0.689	Tinggi
Kredibiliti	4.17	0.704	Tinggi
Karisma	4.19	0.737	Tinggi
Keterampilan	4.27	0.677	Tinggi
Nilai Min Keseluruhan	4.19		Tinggi

Secara keseluruhannya, hasil daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pembangunan kemahiran kepimpinan adalah tinggi dalam kalangan responden iaitu pasukan kawad kaki KRS di Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat. Ini kerana data menunjukkan bahawa kemahiran kepimpinan diterapkan menerusi KRS di SMT Batu Pahat dan pelajar menyedari bahawa kemahiran tersebut diterapkan semasa mereka mengikuti aktiviti KRS SMT Batu Pahat iaitu kawad. Indikator utama kemahiran kepimpinan dapat dibangunkan menerusi KRS di SMT Batu Pahat ialah kemahiran kepimpinan dikuasai oleh pelajar setelah mengikuti aktiviti KRS. Secara hierarkinya kemahiran yang paling tinggi dikuasai oleh responden ialah keterampilan, diikuti oleh komunikasi, kredibiliti dan karisma.

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian kokurikulum KRS, telah menerapkan kemahiran kepimpinan bagi semua ciri kepimpinan yang dinyatakan dalam kajian yang dijalankan iaitu komunikasi, kredibiliti, karisma dan keterampilan. Pelajar juga menyedari bahawa semasa mereka mengikut KRS mereka telah mempelajari empat kemahiran kepimpinan tersebut. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar menguasai empat kemahiran kepimpinan berdasarkan hierarki iaitu

keterampilan, diikuti oleh komunikasi, kredibiliti dan karisma. Oleh itu, adalah jelas menerusi kokurikulum KRS, kemahiran kepimpinan dapat dibangunkan dalam kalangan pelajar yang mengikuti aktiviti yang dijalankan, khususnya kawad.

Penemuan kajian dijalankan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Hall, Forrester & Borsz (2008) yang mendapati bahawa kokurikulum dapat membangunkan keterampilan pelajar. Seterusnya seiring dengan pandangan Garcia (2010) yang menyatakan bahawa melalui aktiviti kokurikulum dapat membangunkan kemahiran komunikasi. Seterusnya dapatan kajian juga menyamai dengan kajian yang dijalankan oleh Hall, Forrester & Borsz (2008) dan Moriana et al. (2006) yang mendapati bahawa kokurikulum dapat membangunkan kredibiliti individu yang menyertainya dan juga menyokong dapatan kajian oleh Hopson (2002) yang mendapati bahawa ciri kepimpinan seperti berkarisma boleh dibangunkan dalam diri pelajar melalui aktiviti luar bilik darjah.

Secara keseluruhannya, kajian ini juga telah mengukuhkan lagi dapatan pengkaji dahulu berkaitan dengan kokurikulum dapat membangunkan kemahiran kepimpinan. Antaranya kajian yang dijalankan oleh Shuriye (2011), Stan (2010), David & Myron (2007), Harvard (2006) yang mendapati aktiviti kokurikulum dapat memberikan latihan kepimpinan dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian adalah tidak selari dengan kajian yang dijalankan oleh Bahari (2006), Terenzini,

Pascarella & Blimling (1996) dan Baxter (1992) yang mendapati bahawa pelajar tidak mengikuti kokurikulum kerana berasaskan aktiviti kokurikulum hanya membuang waktu dan adalah lebih baik masa tersebut digunakan untuk mengulang kaji pelajaran.

Kajian ini telah membuktikan bahawa kokurikulum boleh membangunkan kemahiran insaniah (*soft Skills*) termasuklah kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar. Kemahiran insaniah (*soft Skills*) adalah kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri (Abd Malek dan Hamsah 2007 dan Kementerian Pengajian Tinggi 2006). Oleh itu, sewajarnya tanggapan negatif seperti menyertai kokurikulum unit beruniform seperti KRS hanya membazirkan wang dan masa tidak lagi wujud dalam kalangan pelajar, ibu bapa dan guru. Guru yang mengajar kelas peperiksaan sewajarnya melihat penglibatan pelajar dalam kokurikulum sebagai ramuan untuk menyediakan pelajar dengan menghadapi peperiksaan. Di samping itu, kokurikulum juga semestinya dilihat sebagai pelengkap dalam menuntut ilmu dan kemahiran dalam kalangan pelajar di sesebuah organisasi pendidikan.

## PENUTUP

Kokurikulum dilihat sebagai medium terbaik membangunkan kemahiran kepimpinan dalam diri pelajar. Melalui penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti, kemahiran kepimpinan dapat diterap dan dilatih dalam diri pelajar sama ada disedari atau tidak. Dalam menjana modal insan kelas pertama, Malaysia memerlukan pemimpin yang bijak berkomunikasi dengan pelbagai lapisan masyarakat, kebolehan memimpin organisasi dan pemimpin yang berkarisma serta berwawasan.

Pembangunan kemahiran kepimpinan dalam aktiviti kokurikulum dapat membentuk kemahiran berkomunikasi yang berkesan, seorang yang berkredibiliti dan berkarisma serta mempunyai keterampilan diri yang unggul. Kepimpinan adalah suatu kemahiran yang dapat dipelajari, dilatih dan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa melalui penglibatan yang menyeluruh pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Penguasaan kemahiran ini memberi kelebihan kepada pelajar dalam menyusuri kehidupan dan merealisasikan harapan Malaysia untuk menjadi negara maju. Berdasarkan kepentingan kemahiran kepimpinan dalam diri pelajar, maka wajarlah pelajar mengambil inisiatif untuk memajukan diri dengan menanam kesedaran dalam diri di samping berusaha menguasai pelbagai kemahiran lain melalui aktiviti kokurikulum.

Secara keseluruhannya, pembangunan kemahiran kepimpinan melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum merupakan pelengkap kepada pembentukan generasi muda yang mempunyai kemahiran kepimpinan yang unggul sebagai aset negara yang paling berharga dalam menyahut cabaran global dan global.

## RUJUKAN

- Abd Malek, A. & Hamsah, H. 2007. Kadet Remaja Sekolah. Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn. Bhd.
- Adair, J. 1997. Leadership Skills. London: Chartered Institute of Personnel and Development.
- Ashaari, O. 2000. Pengurusan Persatuan Suatu Panduan Lengkap. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Bahari, J. F. 2002. Faktor-Faktor Yang Menghalang Penglibatan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum Sukan Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Seremban. Jabatan Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan, Maktab Perguruan Islam.
- Baxter, M. 1992. Co curricular influences on college students' intellectual development. *Journal of College Student Development*, 33 (3): 203-213.
- David, L. T. & Myron, L.P. 2007. Participation in C0 Curricular Activities: Non Tradisional Student Perspective. *College and University*, 1 (83): 8.
- Gunter, H. M. 2001. Leaders and Leadership in Education. London: Paul Chapman Publishing.
- Hall, S. L., Forrester, S., & Borsz, M. 2008. A Constructivist Case Study Examining the Leadership Development of Undergraduate Students in Campus Recreational Sports. *The Journal of College Students Development*, 49 (2): 125-140.
- Harvard, M. S. 2006. Leadership and Competitive Excellence in Division 1 Athletics. Dicapai pada 26 Februari 2009 di <http://www.canberra.edu.au/secretariat/council/generic.html>.
- Hopen, D. 2002. Guiding Corporate Behaviour. A Leadership Obligation, Not a Choice. *Journal for Quality and Participation* 24(4): 15-19.
- Hsu, T.C. (2012). Enhancing College Students' Global Awareness through Campus Toastmasters Clubs. *International Journal of Research Studies in Education*, 1(1): 21-34.
- Jaafar, A. N. 2003. Membina Karisma. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Garcia, V. 2010. First-Generation College Students:

- How Co-Curricular Involvement Can Assist with Success. *The Vermont Connection*, 31: 46-52.
- Gilchrist, N. & Gilchrist L. A. 2009. A Curricular-Co-Curricular Approach to Student Leadership Development. *Research in Higher Education Journal*, 3: 1-5.
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2006. Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (2006). Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Moriana, J. A., Alos, F., Alcalá, R., M. J. Herruzo, J. & Ruiz, R. 2006. Extra-Curricular Activities and Academic Performance in Secondary Students. *Electronic Journal of Research in Educational Psychology*, 4 (1): 35-46.
- Pusat Maklumat Rakyat. 2012. Rancangan Malaysia Kesembilan. Dicapai pada 8 Disember 2012, di <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/component/content/article/284-rancangan-malaysia/1354-rancangan-malaysia-kesembilan.html>
- Rohanida A. M. & Mohd. Sofian O. F. 2002. Kepentingan Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan. Dalam Mohd. Sofian O. F., Aminuddin Y. dan Borhan Y. 2002. *Kokurikulum Peranan Dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Shuriye, A. O. 2011. The Role of Credited Co-Curricular Programmes on the Internationalization on Infusing Values into Student's Personality: The IIUM Model. *Journal of Emerging Trends in Educational Research and Policy Studies*, 2 (2): 100-107.
- Stan, I . 2010. Control as an Educational Tool and its Impact on the Outdoor Educational Process. *Australian Journal of Outdoor Education*, 41(2): 12-20.
- Terenzini, P. T., Pascarella, E. T. & Blimling, G. 1996. Student's Out-of-Class Experience and Their Influence on Learning and Cognitive Development: A Literature Review. *Journal of College Student Development*, 37: 149-162.
- Ahmad Esa (Prof. Madya Dr.)  
Pusat Pembangunan dan Pengembangan Pelajar,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,  
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Malaysia  
E-mel: ahmad@uthm.edu.my
- Siti Khadijah Ab Manap (Cik)  
53 Lorong 3,  
Taman Dato Seri Razak,  
34000 Taiping, Perak. Malaysia  
E-mel: Siti\_comeii@yahoo.com